

TOLAK SALAH GUNA
KUASA

Nikmati perubahan
bersama
PAKATAN

UTAMA
ms 2



PILIHAN RAYA
UMUM KE-14

Yakin rakyat
bangkit
tolak BN


UTAMA
ms 4



HIJRAH BERI MANFAAT
MENYELURUH

Peneraju kejayaan
usahawan *Zero
to Hero*

PEDULI RAKYAT
ms 12/13



SELANGOR

**EDISI
KHAS
No.4**

P e d u l i

SELANGOR MASA DEPAN MALAYSIA


www.selangorkini.my

24-30 APRIL 2018 | 8-14 Syaaban 1439 H | www.selangorkini.my [Media_Selangor](#) [MediaSelangor](#) [selangortv.my](#) [SMARTSelangor](#)

PERCUMA

Semarak

Inisiatif Peduli Rakyat




Imbas kod QR ini untuk
muat turun aplikasi
tehtARiq

1



Muat turun **tehtARiq**
dari apps store

2



Imbas imei dengan
ikon ini

3



Tonton Klik
TVSelangor



—BUTTERWORTH



Keluar mengundi, elak penipuan

—PERMATANG PAUH

OLEH HAFIZAN TAIB hapizantaib@mediaselangor.com

Rakyat harus keluar dengan peratusan tinggi pada hari mengundi 9 Mei ini bagi menghalang berlakunya penipuan dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Timbalan Presiden KEADILAN, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, jumlah pengundi dengan peratusan tinggi mampu menghindari perubahan keputusan PRU kerana Umno-Barisan (BN) didakwa akan menggunakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan agensi kerajaan lain bagi tujuan berkenaan.

"Saya menyeru pengundi keluar dengan peratusan tinggi kerana jika rendah, maka penipuan akan menguasai keputusan.

"Jika peratus keluar mengundi tinggi sehingga mencapai 90 peratus, maka penipuan akan tenggelam. Jika ini berlaku dan SPR lambat membuat pengumuman, maka itu maknanya kita mencapai kemenangan," katanya dalam Majlis Bertemu Rakyat bersama Azmin Ali, di Keadilan Square, di sini, pada 22 April lalu.

Ia sebahagian daripada program Jelajah KEADILAN Harapan Malaysia ke Pulau Pinang, sempena



PRU14.

Dato' Menteri Besar itu berkata, PAKATAN dan rakyat perlu mengambil serius perkara itu kerana Umno-BN akan menggunakan segala bentuk tekanan untuk merosak dan mencuri, pada PRU kali ini.

Katanya, SPR yang dilihat tidak bebas dan adil termasuk agensi kerajaan lain akan digunakan untuk menekan supaya keputusan memihak kepada Umno-BN.

"Namun, daripada sentimen dan sambutan dari Perlis hingga ke Johor termasuk Sabah juga Sarawak, maka saya cukup yakin rakyat akan keluar, pada 9 Mei ini.

"Rakyat diminta menggunakan peluang mengundi sebaiknya bagi menolak Umno-BN, dalam PRU nanti," katanya.

TOLAK SALAH GUNA KUASA PENTADBIRAN KERAJAAN PUSAT

Nikmati perubahan bersama PAKATAN

Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) menjadi medan terbaik untuk rakyat menolak Umno-Barisan Nasional (BN) supaya dapat menikmati perubahan pentadbiran kerajaan di Putrajaya bersama Pakatan Harapan (PAKATAN). OLEH HAFIZAN TAIB hapizantaib@mediaselangor.com

"Hari ini, Umno bukan jaga orang Melayu tetapi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor."

DATO' SERI MOHAMED AZMIN
DATO' MENTERI BESAR

Timbalan Presiden KEADILAN, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, rakyat perlu menjatuhkan Umno-BN yang diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, dalam PRU kali ini akibat pelbagai masalah termasuk penyalahgunaan kuasa dalam pentadbiran kerajaan.

"Hari ini, Umno bukan jaga orang Melayu tetapi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

"Ia berbeza dengan era Almarhum Tunku Abdul

Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn yang membela nasib orang Melayu serta rakyat keseluruhannya" katanya.

Beliau berkata demikian dalam siri Jelajah KEADILAN Harapan Malaysia di Pulau Pinang ketika bersarapan bersama rakyat di Medan Selera Taman Air Tawar Indah, di sini, pada 22 April lalu.

Bagi merealisasikan, Dato' Menteri Besar Selangor itu berkata, rakyat perlu bertindak dalam PRU14 dan memberi kemenangan kepada PAKATAN supaya segala kerosakan dilakukan Umno-BN dapat diperbetulkan.

Katanya, rakyat mungkin terpaksa menunggu tempoh masa yang lama selepas ini untuk melihat kejatuhan Umno-BN jika perubahan tidak dilakukan, dalam PRU14.

Bagaimanapun, beliau berkata, Umno-BN kini bagaikan berada di penghujung tempoh untuk mengekalkan kuasa melihat kepada keadaan sokongan rakyat buat parti itu.

"Kini kita bukan sahaja bakal melihat tsunami Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan kaum

lain tetapi gelombang rakyat melawan Najib, dalam PRU nanti.

"Keadaan yang berlaku ketika ini juga menyebabkan Tun Dr Mahathir Mohamad pada usia 93 tahun yang sepatutnya berehat tetapi Allah SWT berikan kesihatan baik untuk berjuang bersama rakyat bagi menyelamatkan Malaysia," katanya.

"Kini kita bukan sahaja bakal melihat tsunami Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan kaum lain tetapi gelombang rakyat melawan Najib dalam PRU nanti."

DATO' SERI MOHAMED AZMIN
DATO' MENTERI BESAR

Presiden akan umum calon KEADILAN

OLEH HAFIZAN TAIB hapizantaib@mediaselangor.com

Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menyatakan, senarai calon KEADILAN untuk Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) akan diumumkan presiden parti itu, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, dalam masa terdekat.

Beliau yang juga Timbalan Presiden KEADILAN berkata, parti itu kini dalam proses memuktamadkan senarai calon untuk bertanding di kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN), di seluruh negara.

"Saya dan presiden dalam beberapa sesi perbincangan menilainya untuk dikemukakan. "Memang menjadi tradisi,

kita akan memilih satu tarikh sesuai untuk presiden mengumumkannya, dalam masa terdekat," katanya kepada media, di sini, baru-baru ini.

Dato' Menteri Besar Selangor itu berkata, pengagihan kerusi antara parti dalam PAKATAN sudah diputuskan dan tidak berdepan masalah kerana mempunyai ramai tokoh muda serta berpengalaman untuk dikemukakan kepada rakyat.

"Cuma bagi KEADILAN, kita memerlukan sedikit masa kerana ini juga adalah perancangan untuk presiden mengumumkannya, pada tarikh ditetapkan nanti," katanya.



KUALA SELANGOR

Beliau berkata, tindakan terbabit juga adalah tidak adil, malahan amanah yang diberikan rakyat dipersiapkan Kerajaan Persekutuan.

"Syarikat ini diberikan kontrak bernilai RM52 bilion bagi membina Landasan Pantai Timur (ECRL) tetapi dikecualikan GST.

"Jika syarikat asing tidak bayar GST, kenapa rakyat Malaysia perlu bayar?"

"Saya terkejut dengan kenyataan daripada Ketua Pengarah Kastam bahawa syarikat itu dikecualikan GST.

"Adakah perkara ini adil? Petani dan peneroka ditekan membayar GST, pegawai kerajaan perlu bayar GST, ini tindakan tidak adil dan mengkhianati rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Lawatan Kerja dan Menyantuni Rakyat ke Daerah Kuala Selangor, di sini, pada 23 April lalu.

Pada masa sama, Timbalan Presiden KEADILAN itu turut berjanji akan menghapuskan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dalam tempoh 100 hari jika PAKATAN

KERAJAAN PERSEKUTUAN TAK ADIL

Persia amanah rakyat

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, menyifatkan tindakan pengecualian pembayaran Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) kepada sebuah syarikat China mengkhianati rakyat Malaysia.

OLEH NORHAYATI UMOR hayati@mediaselangor.com

Syarikat ini diberikan kontrak bernilai RM52 bilion bagi membina Landasan Pantai Timur (ECRL) tetapi dikecualikan GST.

DATO' SERI MOHAMED AZMIN
DATO' MENTERI BESAR

menerajui Putrajaya.

Beliau berkata, kenyataan Kerajaan Persekutuan yang mendakwa negara akan muflis jika tidak melaksanakan GST juga tak munasabah.

Sebaliknya, Mohamed Azmin berkata, pemimpin yang rasuah dan menyalahguna kuasa menyebabkan negara muflis.

"Saya mahu menjawab tohmahan ini, Malaysia tidak

akan muflis jika GST tidak dilaksanakan. Tetapi negara akan muflis jika pemimpin menyalahguna kuasa dan rasuah.

"Petang ini (23 April) saya mengumumkan, jika rakyat beri kita mandat lebih besar pada 9 Mei ini, maka saya dan pimpinan berjanji dalam tempoh 100 hari, kita akan hapuskan GST," katanya.

Photo: FMT (Free Malaysia Today)

KOMITED LAKSANA IPR

KUALA SELANGOR

Bantu ringan sara hidup

OLEH NORHAYATI UMOR hayati@mediaselangor.com

Kerajaan Negeri memberi jaminan untuk terus komited menyemarakkan Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) dalam usaha meringankan beban kos sara hidup rakyat Selangor.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk merancang usaha itu apabila menyedari kos sara hidup yang tinggi, ketika ini.

Katanya, ia selaras gagasan membangun bangsa dan memakmur negeri dilaungkan Selangor.

"Lebih 42 program di bawah IPR dilaksanakan, sejak 2008. Ia kerana mahu meringankan beban kos sara hidup rakyat.

"Rakyat cukup terbeban dengan pelbagai kenaikan serta Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)," katanya pada Program Lawatan Kerja dan Menyantuni Rakyat ke Daerah Kuala Selangor, pada 23 April lalu

Mohamed Azmin berkata, kemampuan Selangor melaksanakan program IPR menunjukkan ketokohan kepimpinan negeri yang telus dan berwibawa.

"Kepimpinan ini dengan memegang prinsip dalam Al-Quran yang menjadikan Selangor akhirnya muncul sebagai sebuah negeri maju.

"Kedudukan kukuh, maka Kerajaan Negeri mampu laksanakan IPR," katanya.

Beliau berkata, kemampuan Selangor dalam menerajui idea baru mampu menjayakan program yang progresif, sekaligus menjadi contoh kepada negeri lain.

"Sebagai contoh, kita membelanjakan RM375 juta bagi program HIJRAH, RM100 juta (Kasih Ibu Smart Selangor), RM200 juta setahun (Air Percuma) dan RM125 juta (Skim Peduli Sihat).

"Kos ini ditanggung Kerajaan Negeri sedia ada. Ia kerana Kerajaan Negeri ketika ini berwibawa, bertanggungjawab, amanah dan telus," katanya.

Pada masa sama, beliau menyeru semua rakyat Selangor untuk terus memberi mandat kepada PAKATAN.

"Jika ingin sebuah kerajaan yang stabil, peduli rakyat, hormat pada kaum dan agama serta berintegriti, maka pertahankan Kerajaan Negeri, hari ini," katanya

Inisiatif lengkap perkhidmatan awam

OLEH NORHAYATI UMOR hayati@mediaselangor.com

Kerajaan Negeri mengambil inisiatif lengkap terhadap perkhidmatan awam di Selangor bagi memudahkan rakyat dapat bergerak ke satu lokasi ke lokasi lain dengan efisien, selesa, efektif dan selamat.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, sambutan yang diberikan terhadap perkhidmatan bas percuma, Bas Smart Selangor, cukup baik dan menggalakkan.

Katanya, pengguna perkhidmatan bas percuma itu kini mencapai lebih 10,000 setiap bulan di kedua-dua laluan, di daerah Kuala Selangor.

"Kerajaan Negeri sangat komited menyediakan perkhidmatan awam terbaik dengan efisien, efektif, selesa dan selamat," katanya pada Program Lawatan Kerja dan Menyantuni Rakyat ke Daerah Kuala Selangor, pada 23 April



lalu.

Mohamed Azmin berkata, sebanyak **100 bas percuma** disediakan Kerajaan Negeri setakat ini di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan peruntukan RM50 juta.

Terdahulu, Mohamed Azmin merasmikan laluan kedua perkhidmatan itu membabitkan laluan Puncak Alam ke MRT Sungai Buloh. Untuk rekod, pengguna bas percuma, Bas Smart Selangor, kini mencecah 10 juta.

Pada 1 Julai 2015, perkhidmatan Bas Smart

Selangor mula beroperasi di Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Klang dan Majlis Perbandaran Subang Jaya menerusi 11 bas dengan satu laluan masing-masing.

Pada 2016, perkhidmatan berkenaan dikembangkan di lapan PBT lain iaitu Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Daerah Hulu Selangor, Majlis Daerah Sabak Bernam, Majlis Daerah Kuala Langat dan Majlis Daerah Kuala Selangor.



PILIHAN RAYA UMUM KE-14

Yakin rakyat bangkit tolak BN

Kebangkitan rakyat termasuk dalam kalangan pemimpin dan ahli Umno diyakini akan berlaku dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) bagi menolak kepimpinan parti itu dan Barisan Nasional (BN), di Putrajaya

—KANGAR OLEH HAFIZAN TAIB hapizantaib@mediaselangor.com

Timbangan Presiden KEADILAN, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, ia berpunca daripada penyalahgunaan kuasa dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, yang kini membebankan rakyat dengan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Mohamed Azmin berkata, negara menghadapi krisis ekonomi dan perkara itu tidak akan berlaku atau Malaysia berdepan muflis jika tiada perasuah, di Putrajaya.

"Beliau (Najib) tak boleh menafikan dalam akaun peribadinya ada RM2.6 bilion. Sebelum ini, tidak pernah berlaku perdana menteri atau

presiden Umno mempunyai wang sebanyak itu.

"Itu sebabnya, ramai pemimpin dan ahli Umno termasuk di Perlis sudah muak dengan Najib serta Umno, maka percayalah ada undi protes yang besar dalam PRU14 daripada orang parti itu sendiri untuk menolak Umno-BN," katanya pada majlis makan tengahari, di DUN Sena, di Taman Indah Sena, di sini, pada 21 April lalu.

Beliau berkata, Najib kini terdesak dan mengatakan tanpa GST, maka negara akan muflis.

Katanya, bagi mengatasi ketirisan berlaku, PAKATAN akan mengubah sistem pentadbiran negara apabila mengambilalih Putrajaya daripada Umno-BN.

Beliau (Najib) tak boleh menafikan dalam akaun peribadinya ada RM2.6 bilion. Sebelum ini, tidak pernah berlaku perdana menteri atau presiden Umno mempunyai wang sebanyak itu

DATO' SERI MOHAMED AZMIN
DATO' MENTERI BESAR

"Dalam 100 hari pertama, kita akan menghapuskan GST," kata Dato' Menteri Besar Selangor itu.



Calon wanita PAKATAN meningkat

OLEH SYAZWANI SUFIAN syazwanisufian@mediaselangor.com

Wanita Pakatan Harapan (PAKATAN) menegaskan, calonnya dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) meningkat 22 peratus berbanding PRU13 iaitu hanya 16 peratus.

Ketua Wanitanya, Zuraida Kamaruddin berkata, ia satu peningkatan positif bagi sebuah gabungan parti yang begitu muda berbanding Barisan Nasional (BN) yang ditubuhkan, hampir 60 tahun lalu.

"Perjuangan wanita PAKATAN bersifat berterusan dan kita berjaya meruntuhkan tembok patriarki dan stereotaip gender yang lama dibina BN, selama ini.

"Banyak yang berjaya dikecapi wanita di bawah dua negeri pentadbiran PAKATAN iaitu Selangor dan Pulau Pinang apabila martabat mereka diangkat daripada pelbagai bidang antaranya menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri selain dilantik sebagai pengurus besar salah sebuah anak syarikat milik Kerajaan Negeri," katanya dalam kenyataan.

Zuraida berkata, Timbalan Perdana Menteri Malaysia turut akan dipilih dalam kalangan wanita dan perkara

itu sudah dipersetujui semua parti gabungan jika PAKATAN memenangi PRU14.

"Untuk kepentingan wanita Malaysia, memilih PAKATAN adalah satu tindakan paling wajar.

"Perjuangan untuk meletakkan 30 peratus calon wanita dalam PRU14 kali ini bukan satu perkara yang mudah. Dalam memilih calon, pelbagai perkara perlu diambil kira dan sudah semestinya kebolehpayaan juga kesediaan untuk memberi khidmat kepada rakyat menjadi syarat utama," katanya.

Beliau berkata, kenyataan itu dibuat bagi menolak dakwaan laporan beberapa akhbar tempatan milik BN yang mengandaikan PAKATAN gagal kerana kuota 30 peratus wanita sebagai calon tidak dapat dicapai.

"Terus terang saya katakan, dakwaan Tan Sri Shahrizat Jalil, bahawa BN akan mencapai 30 peratus calon wanita dalam PRU14 juga satu penipuan yang nyata.

"Tiba masa penamaan calon nanti, sudah pasti peratusan itu tidak dapat dicapai dan BN tetap akan melupakan pemimpin wanita seperti kita lihat sekarang," katanya.

Sebelum PRU13 kata tiada GST, kini?

OLEH NAZLI IBRAHIM nazli@mediaselangor.com

—GOMBAK

Rakyat diingatkan supaya jangan terpedaya lagi dengan janji yang ditabur Umno-Barisan Nasional (BN) pada kempen Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, pernah berbohong kepada rakyat kononnya Kerajaan Persekutuan tidak merancang untuk melaksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), pada

kempen PRU13.

"Jika ingat sebelum PRU13, kita (PAKATAN) sebut kalau undi BN dan mereka dapat mandat lagi di peringkat nasional, maka GST akan dilaksanakan parti itu. Apa kata Najib? Kita tidak lagi merancang untuk melaksanakan GST, itu kata Najib.

"Bila dapat mandat tak sampai setahun pada 5 Mei 2013 (PRU) dan 1 April 2014, tak sampai setahun daripada kemenangan juga mandat yang diberikan

rakyat, dia laksanakan GST yang membebankan kehidupan kita walaupun Datuk Ahmad Maslan kata, boleh turunkan harga barang dengan GST," katanya pada Ceramah Selangor Harapan Malaysia, di Kampung Nakhoda, Batu Caves, di sini, pada 22 April lalu.

Katanya, langkah tidak mengenakan GST terhadap beberapa barangan makanan juga tidak mampu menurunkan harga barangan.

Sidang Redaksi

SELANGOR PEDULI

EDITORIAL Penasihat Lembaga Editorial CCSB Ketua Pengarang Cecelia Alphonsus Pengarang Nurul Farina Nazlan Penolong Pengarang Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera
Wartawan Hafizan Taib hapizantaib@mediaselangor.com Nazli Ibrahim nazli@mediaselangor.com Afiz Redzuan syafiq@mediaselangor.com Norhayati Umor hayati@mediaselangor.com
Ermizi Muhamad noraizie@mediaselangor.com Sabirah Aziz maizaitul@mediaselangor.com Sheeda Fathil sheeda@mediaselangor.com Syazwani Sufian syazwanisufian@mediaselangor.com
Nadiyah Zamlus sitinadah@mediaselangor.com Haziq Ismail zulhaziq@mediaselangor.com

Layout & Design Unit Grafik CCSB Jurugambar Asri Sappie, Raheemie Arifin, Hafiz Othman, Fikri Yusof

SALES & MARKETING Advertising Executive Nadhrah (011-1130 0244) Shafiq (017-790 6759)

Communication Corporation Sdn. Bhd. (847095-A) Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No. 1, Persiaran Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor.

Tel: 03-5523 4856 Faks: 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

TAWAN PUTRAJAYA

Atasi ketirisan negara

Pakatan Harapan (PAKATAN) berharap dapat mengambilalih Putrajaya bagi membawa perubahan terhadap pentadbiran negara

—KANGAR

OLEH HAFIZAN TAIB hapizantaib@mediaselangor.com

Timbangan Presiden KEADILAN, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, PAKATAN meminta rakyat di seluruh negara memberikan sokongan kepada gabungan itu dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) bagi merealisasikan hasrat itu.

"Kita mengharapkan kemenangan secara total bukan sahaja di satu atau dua negeri tetapi sokongan besar rakyat bagi mengambilalih Persekutuan.

"Itu hasrat dan cita-cita PAKATAN bagi membawa perubahan secara total demi

menyelamatkan ekonomi dan rakyat," katanya selepas majlis makan tengahari di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sena, di Taman Sena Indah, di sini, pada 21 April lalu.

Dato' Menteri Besar Selangor itu berkata, PAKATAN tentunya akan mengatasi masalah ketirisan dan penyalahgunaan kuasa yang berlaku serta mengambil tindakan ke atas pihak melakukan kesalahan untuk dihadapkan ke mahkamah, selepas proses peralihan kuasa.

Katanya, perkara terbabit bukan satu rekaan kerana ia disahkan melalui laporan Ketua Audit Negara yang

memaklumkan berlaku ketirisan hampir RM25 hingga RM30 bilion, setiap tahun.

"Jika ini dapat diatasi, maka tidak perlu dikenakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Kenapa rakyat dijadikan mangsa, manakala syarikat gergasi China dikecualikan cukai?"

"Kenapa tidak ditanya kepada perdana menteri kerana beliau adalah pengkhianat kepada rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Selangor mengecualikan bayaran cukai taksiran kepada rakyat sejak tiga tahun lalu membabitkan jumlah hampir



RM240 juta tetapi negeri itu tidak menghadapi masalah kewangan atau bankrap.

"Soalnya, kebangkrapan negara bukan kerana GST tetapi kerana pemimpin yang rasuah," katanya.

Baru-baru ini, Ketua Pengarah Kastam, Datuk Seri Subramoniam Tholasy

mengesahkan, pihaknya memberi pelepasan GST kepada syarikat China yang terbabit dalam projek Laluan Keretapi Pantai Timur (ECRL) menghubungkan Pelabuhan Klang dan bandar utama di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, sepanjang 600 kilometer.



—ALOR SETAR

Logo KEADILAN gugat BN

OLEH HAFIZAN TAIB hapizantaib@mediaselangor.com

Pakatan Harapan (PAKATAN) membuktikan penyatuan kukuh antara parti di dalam gabungannya apabila mencapai kata putus menggunakan logo KEADILAN, dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Timbalan Presiden KEADILAN, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, keputusan itu melumpuhkan usaha Umno-Barisan Nasional (BN) untuk menggagalkan kerjasama parti, di dalam PAKATAN.

Beliau berkata, tindakan Kerajaan di bawah Umno-BN menggunakan Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS) membubarkan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) juga tidak berhasil serta menggoyahkan

PAKATAN.

"ROS haramkan BERSATU tetapi kita tidak tergugat dan siapa menyangka DAP bersetuju guna logo KEADILAN.

"DAP parti lama, sudah 60 tahun dan kuat di kawasan bandar tetapi kerana mahu selamatkan negara juga rakyat, maka parti itu sanggup bersama untuk menjatuhkan kleptokrat.

"Ini satu kejayaan luar biasa yang menyebabkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, tersentak," katanya dalam Ceramah Perdana Gelombang Biru Muda bersama Dato' Seri Mohamed Azmin Ali di Tapak Pasar Malam Mergong, Jalan Putra, di sini, pada 21 April lalu.

—NIBONG TEBAL

Bangkit untuk perubahan lebih baik

OLEH HAFIZAN TAIB hapizantaib@mediaselangor.com

Pakatan Harapan (PAKATAN) mengajak rakyat bangkit melakukan perubahan dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) demi keadilan kepada semua yang dinafikan Umno-Barisan Nasional (BN).

Timbalan Presiden KEADILAN, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, pentadbiran Kerajaan Negeri di Selangor dan Pulau Pinang dipimpin PAKATAN berteraskan keadilan membuktikan rakyat boleh menikmati hidup lebih baik serta saksama.

"Kita sudah menang di Pulau Pinang dan Selangor tetapi tak cukup kerana jika nak hapuskan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), maka kita kena menang, di Putrajaya.

"GST membebankan rakyat kerana Malaysia sudah hampir bankrap akibat hutang melepasi RM1 trilion. Kita tak boleh terima kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak," katanya dalam program Keadilan Harapan Malaysia, di sini, pada 22 April lalu.

Dato' Menteri Besar Selangor itu berkata, rakyat perlu bertindak

menghentikannya kerana punca kepada semua masalah membebankan terbabit disebabkan kerakusan Umno-BN yang dipimpin Najib mengamalkan rasuah dan salah guna kuasa.

"Selangor tidak terjejas walaupun kehilangan pendapatan lebih kurang RM320 juta dalam tempoh empat tahun akibat pengecualian bayaran cukai taksiran bagi penduduk kampung, di 500 kawasan perkampungan.

"Rakyat Selangor seronok kerana Kerajaan Negeri mengagihkan kepada semua bangsa. Itu prinsip keadilan yang kita laksanakan dalam PAKATAN di Pulau Pinang serta Selangor, maka disebabkan itu kita mencapai kemajuan," katanya.

Beliau berkata, ia adalah isyarat rakyat yang kini bersedia melakukan perubahan dan menjatuhkan Umno-BN, dalam PRU14.

"Saya gembira kerana rakyat daripada pelbagai kaum dan agama hadir. Ia membuktikan rakyat Malaysia bersatu-padu serta akan memberikan kekuatan kepada kita," katanya.

KAJIAN INSTITUT DARUL EHSAN

62% pengundi Kota Anggerik kekal PAKATAN

PAKATAN HARAPAN (PAKATAN) dijangka tidak berhadapan masalah bagi mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Anggerik apabila kajian Institut Darul Ehsan (IDE) menunjukkan 62 peratus pengundi di situ berpuas hati dengan perkhidmatan diberikan penyandang kerusi DUN terbabit.

OLEH Nazli Ibrahim nazli@mediaselangor.com

AHLI DEWAN NEGERI (ADN) Kota Anggerik, Dr Yaakob

Sapari berkata, kajian itu juga menunjukkan 93 peratus pengundi di situ mengenali beliau dan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM).

“Saya dapat rasakan sambutan hangat oleh masyarakat apabila turun padang. Saya jadi ADN di kawasan bandar tetapi kerap turun ke masjid, pasar, kawasan rekreasi dan lokasi lain.

“Kebanyakan mereka gembira dengan perkhidmatan diberikan ADN juga Kerajaan Negeri mungkin disebabkan kekerapan saya bertemu mereka,” katanya kepada *SelangorKini*.

Dr Yaakob berkata, rakyat di Kota Anggerik turut menikmati semua skim Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang ditawarkan Kerajaan Negeri hasil kerja keras beliau dan pegawai PKM.

Katanya, Kerajaan Negeri juga berjaya meningkatkan kebersihan dan taraf infrastruktur, di kawasan DUN terbabit.

“Jika kita tengok di Shah Alam, rakyat berpuas hati dengan perkhidmatan bas percuma yang ada empat laluan. Rakyat menikmati kemudahan itu selain infrastruktur dan tahap kebersihan yang dijaga dengan baik oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA),” katanya.

Dr Yaakob juga menetapkan sasaran untuk menjadikan bandar raya Shah Alam antara 20 bandar terbersih, di dunia.

Katanya, pada masa ini



“Dia juga suka teman isterinya ke pasar. Bila minum, dia akan belanja semua orang yang ada di situ hingga peniaga di pasar cukup kenal Dr Yaakob dan tak rasa kekok kerana dah macam kawan,” katanya.

Sementara itu, peniaga di Seksyen 4, Mohd Idris Abdul Halim, 34, berkata beliau menerima pelbagai manfaat pembangunan dan program yang dijalankan Kerajaan Negeri.

“Manfaat yang kita perolehi juga banyak seperti skim di bawah Inisiatif Peduli Rakyat. Bagi saya, Dr Yaakob menjalankan tugas dengan baik, sejak dipilih menjadi ADN Kota Anggerik.

“Pendekatan Islamik beliau menyebabkan beliau disenangi semua pihak termasuk bukan Islam kerana turut menjaga kepentingan dan kebajikan masyarakat agama lain seperti Cina dan India,” katanya.

Manakala, seorang lagi peniaga di Seksyen 7, Firdaus Zaidin, 33, menyifatkan anak muda di Kota Anggerik gembira dengan layanan diberikan Dr Yaakob.

“Perkhidmatan beliau sangat bagus khususnya dalam mendekati anak muda. Permohonan golongan muda beliau penuhi, contohnya apabila kita buat pertandingan futsal yang sentiasa diberi sokongan, bahkan Dr Yaakob juga turun pada program membabitkan anak muda.

“Kalau kami nak jumpa memang senang, bila kita panggil nak jumpa untuk mengadu masalah, maka dia akan turun. Sebab itu, kita minta PAKATAN dikekalkan, di Kota Anggerik ini,” katanya.

“Kebanyakan mereka gembira dengan perkhidmatan diberikan ADN juga Kerajaan Negeri mungkin disebabkan kekerapan saya bertemu mereka.”

DR YAAKOB SAPARI
AHLI DEWAN NEGERI
KOTA ANGGERIK

MBSA sedang berusaha menuju ke arah itu dengan melaksanakan kerja menaik taraf tasik, pasar moden dan kemudahan lain.

“Kawasan Kota Anggerik kebanyakannya didiami golongan pertengahan. Mereka tidak berapa bergantung kepada kerajaan tetapi apa yang diinginkan adalah kawasan yang bersih, damai dan kota kediaman harmoni untuk didiami,” katanya.

Penyokong tegar Umno sedia pilih Yaakob

Berbeza ideologi politik tidak menghalang penyokong tegar Umno memberikan undi mereka kepada Dr Yaakob, pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Pesara guru, Siti Fatimah Likin, 71, berkata hal itu ekoran masyarakat di kawasan berkenaan sangat berpuas hati

dengan perkhidmatan yang diberikan Dr Yaakob, bagi tempoh 2008 hingga 2018.

“Tempat saya ini memang ramai Umno yang susah nak tukar dengan yang lain tetapi bila berbual dengan mereka, ramai kata akan undi Dr Yaakob kerana yakin dengan cara beliau menjalankan tanggungjawab yang bukan disebabkan parti. Sampai begitu sekali.

“Di sini, kita nampak

bagaimana dia bergaul dengan rakyat tak kira bila ada kematian, kenduri kahwin dan acara lain,” katanya ketika *SelangorKini* menjalankan tinjauan rambang di beberapa kawasan, di Kota Anggerik, baru-baru ini.

Beliau yang menetap di Seksyen 6, Shah Alam berkata, kebanyakan rakannya juga amat mengagumi keperibadian Dr Yaakob kerana disifatkan sebagai seorang yang mudah didekati oleh semua lapisan masyarakat.

Katanya, keadaan itu juga menyebabkan orang ramai tidak merasa kekok untuk mendekati wakil rakyat yang menjadi kesayangan penduduk Kota Anggerik.

“Memang dia jenis orang yang turun padang, prihatin dengan masalah rakyat dan paling saya suka, tiap-tiap pagi beliau pergi dari satu surau ke satu surau serta satu masjid ke satu masjid untuk berjemaah bersama.



Tempat saya ini memang ramai Umno yang susah nak tukar dengan yang lain tetapi bila berbual dengan mereka, ramai kata akan undi Dr Yaakob kerana yakin dengan cara beliau menjalankan tanggungjawab yang bukan disebabkan parti.



SITI FATIMAH LIKIN, 71
SEKSYEN 6, SHAH ALAM



Manfaat yang kita perolehi juga banyak seperti skim di bawah Inisiatif Peduli Rakyat. Bagi saya, Dr Yaakob menjalankan tugas dengan baik, sejak dipilih menjadi ADN Kota Anggerik.

MOHD IDRIS ABDUL HALIM, 34,
PENIAGA DI SEKSYEN 4



Kalau kami nak jumpa memang senang, bila kita panggil nak jumpa untuk mengadu masalah, maka dia akan turun. Sebab itu, kita minta PAKATAN dikekalkan, di Kota Anggerik ini," katanya.


FIRDAUS ZAIDIN, 33,
PENIAGA DI SEKSYEN 7



Kawasan Kota Anggerik kebanyakannya

didiami golongan pertengahan. Mereka tidak berapa bergantung kepada kerajaan tetapi apa yang diinginkan adalah kawasan yang bersih, damai dan kota kediaman harmoni untuk didiami."

DR YAAKOB SAPARI
AHLI DEWAN NEGERI (ADN)
KOTA ANGGERIK,



(N40)
DUN KOTA
ANGGERIK

memindahkan kira-kira 8,000 pengundi Kota Anggerik ke tiga DUN lain iaitu Batu Tiga, Seri Setia dan Bandar Baru Klang.

Pemindahan pengundi ke DUN Bandar Baru Klang membabitkan dua Daerah Mengundi (DM) majoriti kaum Cina iaitu DM Berkeley dan DM pengundi campuran, DM Bandar Baru Klang.

Tiga DM lain iaitu DM Seksyen 18, Seksyen 18 Barat dan Seksyen 18 Timur yang mengandungi majoriti pengundi Melayu pula dipindahkan ke DUN Batu Tiga.

Selain itu satu lagi DM pengundi campuran, Taman Tun Dr Ismail (TTDI) dipindahkan ke DUN Seri Setia.

Manakala, pengundi yang di bawa masuk ke DUN Kota Anggerik pula membabitkan DM Bukit Jelutong U8 iaitu kawasan majoriti Melayu dengan kira-kira 2,000 pengundi pos.

Langkah SPR tanpa

justifikasi munasabah ini memberi persepsi sebagai tindakan untuk meningkatkan peluang kemenangan bagi Barisan Nasional (BN), di DUN Kota Anggerik dan Batu Tiga.

Pecahan kaum

Statistik terbaru berdasarkan pecahan kaum selepas persempadanan semula menunjukkan pengundi Melayu menguasai 76 peratus daripada jumlah keseluruhan membabitkan 39,864 pengundi, diikuti Cina seramai 7,267 (14%), India 4,863 (9%) dan lain-lain kaum 339 (1%).

Sama seperti kebanyakan DUN lain di Selangor, DUN Kota Anggerik dikuasai BN menerusi calon mereka daripada Umno, sebelum tsunami politik 2008.

Pada PRU11 (2004), calon BN, Ahmad Nawawi M Zin menang dengan majoriti 8,201 undi selepas memperoleh 16,853 undi mengatasi calon Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN), Annette Syed Mohamed@

INFOGRAFIK

DUN KOTA ANGGERIK (N40)

KEPUTUSAN PRU-12

JUMLAH PENGUNDI	:	38,442
DR YAAKOB SAPARI (KEADILAN)	:	15,738
AHMAD NAWAWI M.ZIN (BN)	:	13,538
PERATUSAN MENGUNDI	:	77.60%
UNDI ROSAK	:	383
MAJORITI	:	2,200

KEPUTUSAN PRU-13

JUMLAH PENGUNDI	:	54,952
MOHD YUSOF DIN (BN)	:	21,758
DR YAAKOB SAPARI (KEADILAN)	:	26,261
ERIQ FAISAL RUSLI (BEBAS)	:	136 (HD)
PERATUSAN MENGUNDI	:	88.49%
UNDI ROSAK	:	470
MAJORITI	:	4,503

JUMLAH PENGUNDI PRU-14 (SELEPAS PERSEMPADANAN)

JUMLAH PENGUNDI	:	52,333
PENGUNDI MELAYU	:	39,864 (76%)
PENGUNDI CINA	:	7,267 (14%)
PENGUNDI INDIA	:	4,863 (9%)
PENGUNDI LAIN-LAIN	:	339 (1%)

Animah Annette Ferrar yang mendapat 8,652 undi.

Ketika tsunami politik pada PRU12 (2008), buat pertama kalinya BN ditumbang di kerusi ini apabila Dr Yaakob menang dengan majoriti 2,200 undi selepas memperoleh 15,738 undi, berbanding pencabarnya, Mohd Yusof Din, yang mengutip 13,538 undi.

Yaakob kemudiannya mempertahankan kemenangan pada PRU13 (2013) dengan majoriti lebih besar iaitu 4,503 undi apabila meraih 26,261 undi mengatasi pencabar sama dengan 21,758 undi.

Sentimen Selangor

Selain itu, faktor 'sentimen Selangor' ekoran kecemerlangan Kerajaan Negeri turut dijangka memainkan peranan besar yang bakal mendorong rakyat

menolak BN secara besar-besaran, kali ini.

Di DUN Kota Anggerik, berdasarkan kajian pelbagai agensi dan culaan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Kota Anggerik sendiri mendapati kini berbeza dengan pra PRU12 dan PRU13, sentimen ini begitu dirasai tanpa mengira kaum.

Keyakinan ini ditambah dengan kekuatan pengaruh dan imej mesra rakyat dibawa Dr Yaakob yang begitu disenangi tanpa mengira kedudukan.

Justeru, persempadanan semula dengan membawa masuk 2,000 pengundi pos yang dianggap memberi kelebihan kepada BN di Kota Anggerik dijangka berhadapan dengan pertarungan sengit tsunami rakyat, pada PRU14.



Program Sarapan Pagi dan Pelancaran Pusat Ops Pilihan Raya
Kandis, Parlimen Jerlun



Ceramah Gelombang Biru Muda Bertempat di Tapak Pasar Malam, Labu Besar Parlimen Padang Serai



Majlis Makan Malam Masyarakat Minang Gombak Bersatu (18)





Majlis
Penyampaian
Geran Hak Milik
Tanah dan Inisiatif
Peduli Rakyat



Lawatan
Tapak Projek
Loji Rawatan Air
Labohan Dagang
Permatang
Pasir, Jugra



Majlis Pecah
Tanah Bangunan
Baru Majlis Daerah
Kuala Langat dan
Penyerahan Lori
"Arm Roll"





Terdapat pelbagai aduan daripada pengguna

diterima berpunca daripada kenaikan gaji yang rendah atau statik ditambah dengan peningkatan harga barang lebih tinggi daripada gaji hingga membuatkan pengguna rasa tertekan dengan isu kenaikan harga barang."

DATUK DR N MARIMUTHU
PRESIDEN GABUNGAN PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA (FOMCA)



Bagi perbelanjaan bulanan, saya juga perlu lebih berjimat cermat berbanding dahulu dengan membeli barangan yang benar-benar diperlukan sahaja. Dalam tempoh sebulan, saya mengeluarkan belanja lebih kurang RM500 ke RM700 untuk membeli pelbagai barangan keperluan."

CHRISTINA NIRMALA,
33, PEKERJA SWASTA



Sebagai pelajar, saya juga merasai beban

kenaikan harga barang kerana apabila tibanya semester baru, pelbagai kelengkapan harus disediakan terutama keperluan harian, bahan akademik dan tugas khas."

NURAFIDAH MOHAMAD NIZAM
23, PELAJAR



KENAIKAN HARGA BARANG DAN PENETAPAN KADAR

Beban GST tiada kesudahan

ADAKAH PENGGUNA sedar dengan kos kenaikan harga barang yang semakin meruncing? Sedarkah pengguna bahawa kos kenaikan harga barang serta perkhidmatan semakin menghimpit kehidupan seharian hingga menambahkan beban hidup, tambahan pula dengan bebanan kos sara hidup yang meningkat termasuk pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) jelas membuktikan Kerajaan Persekutuan tidak pernah mempedulikan ekonomi juga kebajikan rakyat.

OLEH **SABIRAH AZIZ** maizaitul@mediaselangor.com

Perkerana ini seiring dengan kenaikan harga, tidak kira melalui barangan atau perkhidmatan dengan Indeks Harga Pengguna saban hari juga meningkat ke paras tertinggi dari semasa ke semasa dalam tempoh lapan tahun dan pada Februari 2017 meningkat sebanyak 4.5 peratus. Ia jelas membuktikan rakyat benar-benar terkesan dengan penetapan cukai regresif.

Dalam menangani isu ini, Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) tidak terkecuali menjadi orang tengah di antara pengguna atau konsumer kepada pihak berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,

Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta peniaga untuk membawakan suara rakyat ke tempat sewajarnya berhubung kenaikan kos sara hidup dengan peningkatan harga barang dan perkhidmatan serta GST.

Presidennya, Datuk Dr N Marimuthu berkata, terdapat pelbagai aduan daripada pengguna diterima pihaknya berpunca daripada kenaikan gaji yang rendah atau statik dan ditambah dengan peningkatan harga barang lebih tinggi daripada gaji hingga membuatkan pengguna rasa tertekan dengan isu kenaikan harga barang.

"Usaha untuk mengatasi perkara ini memerlukan peranan semua pihak kerana ia dilihat seakan tiada kesudahan. Di



Sebagai pengguna yang memiliki pelbagai maklumat, kami nasihatkan mereka supaya bertindak bijak dan harus membuat perbandingan harga."

DATUK DR N MARIMUTHU
PRESIDEN GABUNGAN PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA (FOMCA)

pihak FOMCA, terdapat dua cara bagi menangannya iaitu melalui peranan kerajaan dan pengguna.

"Bagi kerajaan, mereka berperanan menambahkan lagi kawasan pertanian untuk tanaman supaya pengguna dapat mengurangkan makanan import serta menghapuskan segala amalan *monopolistic* dalam rantai bekalan supaya dapat mengamalkan gaya hidup sihat.

"Kerajaan juga digalakkan membina dan menyediakan rumah mampu milik serta membangunkan sistem pengangkutan awam sistematik. Di samping itu, sistem jaringan keselamatan sosial (*society safety net*) bagi golongan miskin perlu diwujudkan manakala bagi pihak pengguna, mereka harus memainkan peranan menguruskan perbelanjaan secara bijak dan lebih berkesan," katanya kepada SelangorKini.

Menyedari hakikat itu, FOMCA bertanggungjawab memberikan pendidikan konsumer dan pengurusan kewangan bagi melengkapkan pengguna dengan pengetahuan serta kemahiran supaya menjadi pengguna yang bijak.

Marimuthu berkata, pihaknya kerap menghantar memorandum kepada kerajaan berhubung isu kos sara hidup rakyat serta memberi cadangan untuk membantu pengguna menghadapi kos sara hidup, namun ia memerlukan kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui penyebaran pendidikan konsumer secara meluas.

“Sebagai pengguna yang memiliki pelbagai maklumat, kami nasihatkan mereka supaya bertindak bijak dan harus membuat perbandingan harga. Jika terdapat sebarang kemusykilan atau curiga, mereka juga dipelawa untuk membuat perbincangan termasuk kepada mana-mana persatuan, pengusaha makanan dan restoran untuk berbincang berhubung isu ini dari semasa ke semasa.

“Peniaga juga perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan KPDNKK supaya mereka tidak dikenakan sebarang tindakan undang-undang. Antaranya adalah seperti mematuhi harga barangan jualan yang ditetapkan,” katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, terdapat juga penjual dan peruncit yang menaikkan harga barang sewenang-wenangnya apabila tiba musim perayaan. Ia dilihat hanya mengambil kesempatan kepada pengguna yang memerlukan barangan terbabit.

“Sikap mereka yang sesuka hati menaikkan harga barang lebih daripada sepatutnya amat dikesali. Ekoran itu, KPDNKK menetapkan siling harga (*price ceiling*) untuk barang tertentu da ia sebenarnya dilihat dapat mengawal keadaan.

“Bagaimanapun, tindakan penguatkuasaan yang lebih ketat perlu dilaksanakan supaya pengguna tidak berdepan dengan harga berlebihan, khususnya musim perayaan. Selain itu, pengguna perlu lebih bertanggungjawab dalam perbelanjaan dan

membandingkan harga untuk mendapatkan nilai terbaik.

“Justeru itu, mereka harus mengutamakan barangan yang *generic* berbanding berjenama. Kami juga mencadangkan kaedah lain bagi menjimatkan perbelanjaan ketika keluar membeli barang seperti menggunakan pengangkutan awam, mengurangkan pembaziran tenaga, berkebun di rumah serta mengamalkan gaya hidup sihat,” katanya.

Perlu peka perubahan harga

Sementara itu, Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong menasihatkan pengguna dan peniaga supaya sentiasa prihatin serta peka dengan perubahan harga pasaran barangan juga perkhidmatan yang dikenakan GST.

Katanya, kedua-dua pihak memainkan peranan penting bagi memastikan mereka tidak ditindas dan tertindas apabila harga barangan perlu dibayar bersama caj GST.

“Dengan kos sara hidup yang semakin meningkat, ia sememangnya membebankan pengguna terutama mereka yang tinggal di luar bandar dan sukar mendapatkan bekalan keperluan asas, manakala peniaga pula mengambil kesempatan menaikkan harga barang yang sememangnya sudah termasuk caj GST.

“Sejak adanya GST, tidak dapat dipastikan sehingga kini ke mana perginya hasil kutipan berkenaan. Selain itu, pelaksanaan cukai GST turut memberi kesan terhadap jualan bilik hotel bertaraf empat dan lima bintang mengakibatkan kenaikan kos melancong seterusnya membantutkan perkembangan pelancongan, di Selangor.

“Melalui pelaksanaannya, Kerajaan Persekutuan dianggarkan bakal mengutip RM654.6 juta setahun hasil Cukai Pelancongan, namun tidak diketahui ke mana ia akan dibelanjakan.

“Bagaimanapun, kita sudah mencadangkan semua hasil dikutip Jabatan Kastam daripada hotel di Selangor disalurkan semula kepada Kerajaan Negeri untuk membantu secara

langsung sektor perhotelan dan pelancongan, di negeri ini,” katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Persekutuan seharusnya memberikan jaminan bahawa hasil dikutip disalurkan terus bagi membina atau menambah baik infrastruktur pelancongan.

Caj GST hantui rakyat

Kebanyakan pengguna yang ditemui juga melahirkan rasa sedih, marah dan kecewa dengan kadar kenaikan harga barang yang saban hari membebankan kos sara hidup mereka.

Pelajar, Nurafidah Mohamad Nizam, 23, berkata pelaksanaan GST sedikit sebanyak mempengaruhi kenaikan harga barang disebabkan cas lebih daripada harga barang itu sendiri.

“Sebagai pelajar, saya juga merasai bebanan kenaikan harga barang kerana apabila tibanya semester baru, pelbagai kelengkapan harus disediakan terutama keperluan harian, bahan akademik dan tugasan khas.

“Enam peratus jelas terasa walaupun harga barang itu murah. Jika barang itu mahal, maka semakin banyak cas lebih dikenakan.

“Bagi golongan tiada pendapatan seperti saya, memang agak sukar untuk mengawal perbelanjaan seharian. Hari ini, RM50 sahaja tidak mencukupi untuk dibelanjakan kerana harga makanan, perkhidmatan awam dan sumber buku semakin mahal,” katanya sambil menambah dalam sebulan kira-kira RM300 perlu dibelanjakan tidak termasuk kos membeli buku dan cetakan.

Katanya, penetapan GST sangat membebankan bukan sahaja kepada pelajar, malahan golongan bekerjaya.

Tiada sebarang perubahan dilihat kerana pelbagai aspek naik dan tidak memberi keuntungan, bahkan ia bukan situasi menang-menang.

“Di samping itu, apa yang lebih menyedihkan kerana Kerajaan Persekutuan gagal memahami kehendak juga kebajikan rakyat yang menyebabkan golongan bawahan semakin terbeban dan susah,” katanya.

Sementara itu, bagi pekerja

swasta, Christina Nirmala, 33, kos GST menyebabkan penjual terpaksa menaikkan harga barang secara langsung juga tidak langsung, sekali gus memberi kesan kepada pengguna.

“Sebagai perbelanjaan bulanan, saya juga perlu lebih berjimat cermat berbanding dahulu dengan membeli barangan yang benar-benar diperlukan sahaja. Dalam tempoh sebulan, saya mengeluarkan belanja lebih kurang RM500 ke RM700 untuk membeli pelbagai barangan keperluan.

“Jumlah ini agak besar bagi saya yang bekerja makan gaji, malahan sangat tertekan dengan pelbagai kenaikan harga barang kerana menyekat kuasa membeli pengguna, sekali gus meningkatkan kos sara hidup.

“Perkara ini juga membuatkan pengguna rasa ditindas akibat sikap sesetengah penjual yang mahu mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan lebih daripada sepatutnya,” katanya.

10% peniaga gulung tikar kesan GST

Pada masa sama, Pengerusi Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Kuala Lumpur, Datuk Ang Say Tee turut mendakwa, perniagaan mereka terjejas akibat pelaksanaan GST, sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Katanya, kebanyakan peniaga terkesan dengan GST terutama bagi peniaga di Petaling Street atau lebih dikenali sebagai *Chinatown* apabila hanya 20 peratus daripada mereka menjual barang tiruan, manakala baki lagi 80 peratus tidak menjual produk tiruan.

“Jika hendak mengatakan peniaga di situ menjual barangan palsu hingga mengakibatkan jualan mereka merosot, ia juga ada dijual di tempat lain termasuk di Plaza Sungai Wang. Maka, ia memang tidak masuk akal.

“Oleh itu, Kerajaan Persekutuan harus menumpukan perhatian untuk menyelesaikan masalah dihadapi rakyat bukan hanya memberikan komen dan pendapat,” katanya sambil menambah 10 peratus perniagaan di *Petaling Street* ditutup sejak pelaksanaan GST, pada 2015.

Beliau berkata, ada dalam kalangan pelanggan yang menyatakan gaji masih sama



“ Dengan kos sara hidup yang semakin meningkat, ia sememangnya membebankan pengguna terutama mereka yang tinggal di luar bandar dan sukar mendapatkan bekalan keperluan asas, manakala peniaga pula mengambil kesempatan menaikkan harga barang yang sememangnya sudah termasuk caj GST.”

ELIZABETH WONG
EXCO PELANCONGAN, ALAM SEKITAR, TEKNOLOGI HIJAU DAN HAL EHWAL PENGGUNA



“ Bagi golongan tiada pendapatan seperti saya, memang agak sukar untuk mengawal perbelanjaan seharian. Hari ini, RM50 sahaja tidak mencukupi untuk dibelanjakan kerana harga makanan, perkhidmatan awam dan sumber buku semakin mahal.”

NURAFIDAH MOHAMAD NIZAM,
23, PELAJAR



“ 10 peratus perniagaan di Petaling Street ditutup sejak pelaksanaan GST, pada 2015.”

DATUK ANG SAY TEE
PENERUSI PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL KUALA LUMPUR

dan mereka berhati-hati dalam berbelanja disebabkan faktor berkenaan.

“Maka, jika sesiapa datang ke *Petaling Street*, maka mereka boleh lihat tidak ramai lagi pengunjung berbanding beberapa tahun lalu kerana ramai yang datang sehingga jalan di sini sesak,” katanya.

HIJRAH BERI MANFAAT MENYELURUH

Peneraju kejayaan usahawan Zero to Hero

Hijrah Selangor (HIJRAH) bukan hanya menawarkan pembiayaan kewangan yang terus memberikan manfaat berpanjangan kepada peserta tetapi ia turut menawarkan perkhidmatan lain kepada usahawan baru untuk memperlebar jaringan perniagaan mereka. OLEH ERMIZI MUHAMAD noraizie@mediaselangor.com SYAZWANI SUFIAN syazwani@mediaselangor.com

HIJRAH menawarkan lanjutan permodalan yang besar sehingga RM30,000 tanpa faedah untuk membantu mengurus operasi perniagaannya.

“Di pihak saya pula, sokongan daripada sumber pembekalan perniagaan akan terus disalurkan kepada usahawan untuk menjana lebih pulangan hasil perniagaan di bawah program *Zero to Hero*,” katanya.

Mentor didik usahawan baru

Untuk rekod, program *Zero to Hero* adalah sebahagian daripada intipati pembangunan HIJRAH yang melantik beberapa syarikat atau perusahaan berjaya untuk melatih usahawan baru yang berpotensi.

Prosesnya, sesi penerangan dan taklimat kepada peserta terpilih untuk mengikuti beberapa teras serta modul latihan berpanjangan, dalam tempoh masa ditetapkan.

Selepas tamat latihan, peserta berkecukupan diberi peluang untuk memohon pembiayaan HIJRAH bagi memulakan perniagaan dengan teras pembekalan bahan perniagaan akan disediakan syarikat peneraju masing-masing. Perjalanan perniagaan akan dipantau secara berterusan bagi tempoh, sehingga enam bulan.

Seterusnya, pemantauan daripada HIJRAH juga akan dibuat bagi memastikan perniagaan mereka berjalan baik dan berkembang maju. Bagi HIJRAH, kejayaan usahawan ini akan menjadi kayu pengukur terbaik kepada keberkesanan program berkebijakan Kerajaan Negeri.

Sementara itu, sumbangan Abdul Malik membantu usahawan baru memulakan perniagaan di negeri ini bukan dianggap sia-sia. Komitmen beliau itu turut mendapat pengiktirafan dan penghargaan berterusan daripada Kerajaan Negeri, khususnya di bawah pentadbiran Dato’ Menteri Besar, Dato’ Seri Mohamed Azmin Ali.

Ia termasuk pengiktirafan Anugerah Usahawan Selangor 2017 apabila dipilih sebagai penerima Anugerah Pembimbing Usahawan Hijrah Selangor 2017.

Inisiatif baru itu dilaksanakan secara kondusif oleh agensi itu dengan tawaran permulaan perniagaan yang giat diusahakan peneraju teras keusahawanan HIJRAH, Chommel Areca Enterprise.

Pengusaha perusahaan itu, Abdul Malik Savai berkata, pengurusannya bertanggungjawab memberi pendidikan perniagaan dan keusahawanan tempatan kepada usahawan muda yang ingin memulakan perniagaan mereka.

Katanya, komitmen itu dizahirkan di bawah pelaksanaan dasar *Zero to Hero* untuk memastikan peniaga baru diberi pendedahan dan pembelajaran secara kondusif berkaitan pendidikan perniagaan.

“Jika mereka berminat untuk membuat pembiayaan perniagaan dengan HIJRAH, kami akan memberikan pemahaman sebenar berkenaan dunia perniagaan dan risiko bakal dihadapi mereka yang terbabit dalam bidang ini.

“Contohnya, mereka memilih untuk memulakan perniagaan ais kepal milo yang bekalannya di bawah pemantauan pihak kami. Kami juga akan mengajar mereka berkenaan teknik perniagaan sebenar.

“Bayangkan, stok bekalan perniagaan yang kami bekalkan kepada mereka sekitar RM5,000 tetapi boleh bawa balik sehingga RM6,000 pulangan modal, pada satu-satu masa.

“Tanpa perlu terikat dengan

Kejayaan mudah diraih jika usahawan muda tempatan mendapat pemahaman sebenar dan ‘jalan’ yang betul untuk meneruskan perniagaan masing-masing.

ABDUL MALIK SAVAI
CHOMMEL ARECA
ENTERPRISE

pembayaran balik tanpa faedah, selesai sahaja pembiayaan lama, maka mereka boleh memulakan permohonan baru untuk perniagaan lebih besar,” katanya.

Beliau berkata, keperluan itu sekali gus mendorong peserta HIJRAH menjana pulangan pendapatan lebih besar terhadap prospek perniagaan mereka.

Tanam iltizam daya saing perniagaan

Mengambil contoh beberapa siri kejayaan, Abdul Malik berkata, sehingga kini seramai 210 peserta HIJRAH mengambil peluang memulakan perniagaan pertama mereka di bawah syarikat perusahaannya.

Katanya, untuk memulakan perniagaan peserta perlulah menanamkan iltizam untuk berdaya saing dalam perniagaan mereka.

Selain itu, kejayaan mudah diraih sekiranya usahawan muda tempatan mendapat pemahaman sebenar dan ‘jalan’ yang betul



untuk meneruskan perniagaan masing-masing.

“Untuk menjana pendapatan maksimum, ia bukan mudah. Ia perlu berpandukan kepada komitmen untuk maju dan berjaya seperti pengusaha tempatan lain.

“Saya cukup optimis bahawa pelaksanaan dasar ini akan terus dinikmati secara menyeluruh oleh rakyat Selangor.

“Tanpa faedah dan pelaksanaannya yang mudah, maka peserta mempunyai rekod pembayaran semula yang bersih turut berpeluang dibantu menjana pembiayaan modal lebih besar.

“Sebagai contoh, seorang peserta wanita baru-baru ini hanya memulakan pembiayaan RM5,000 sahaja, namun kerana rekod bersih beliau,



HIJRAH SELANGOR



truck yang diidamkan, selama ini," katanya.

Timba ilmu melalui HIJRAH

Namun, kejayaan itu bukan mudah diraih bagi individu yang tidak mempunyai pengalaman luas dalam bidang perniagaan.

Sepanjang 13 tahun menjalankan perniagaan, banyak cabaran yang perlu ditempuhi Samsiah kerana kekurangan ilmu dalam perniagaan.

Menzahirkan rasa syukur ditemukan dengan HIJRAH, Samsiah berkata, beliau bukan sahaja diberi modal perniagaan, malahan ilmu selok-belok perniagaan turut diperolehinya.

Syarikat peneraju dan HIJRAH bertanggungjawab memberi taklimat dan memilih peserta mengikut golongan sasar yang ditentukan seterusnya mereka yang terpilih akan diberi latihan mengikut jangka masa ditetapkan.

"Program ini banyak membantu peniaga. Mereka bukan sekadar memberi pinjaman tetapi turut menganjurkan kursus serta taklimat kepada kami supaya mampu menguruskan perniagaan dengan lebih lancar.

"Sebelum ini, saya pernah menempuh rasa perit serta susah melakukan urusan perniagaan yang mungkin berpunca daripada kekurangan ilmu pengetahuan.

"Sejak masuk menyertai HIJRAH, saya tahu kesilapan ketika menjalankan perniagaan dulu dan ia diperbaiki untuk menjadi lebih baik," katanya.

Bukan itu sahaja, peserta akan dibimbing dan dipantau syarikat peneraju juga HIJRAH sehingga urusan mereka berjalan lancar sepanjang perjalanan perniagaan.

Selepas tamat bayaran pinjaman, peserta yang berjaya boleh membuat pinjaman balik kepada HIJRAH bagi mengembangkan lagi perniagaan.

Itu antara kelebihan HIJRAH berbanding badan pinjaman lain apabila lebih 80 peratus peserta mampu membuat bayaran semula kepada skim mikrokredit terbabit dalam tempoh kurang atau cukup tiga tahun yang ditetapkan.

BUKAN LAGI MIMPI

Hasrat miliki kendera saji tercapai

HASRAT PEMILIK perniagaan kecil-kecilan, **Aliff Haiqal Corner**, ingin memiliki kendera saji atau lebih dikenali *food truck* kini tercapai dengan bantuan Hijrah Selangor (HIJRAH).

OLEH **SYAZWANI SUFIAN** syazwani@mediaselangor.com

Kejayaan itu dikecapi pemiliknya, Samsiah Atthan, apabila

HIJRAH meluluskan pembelian kendera saji bernilai RM39,000 dan pinjaman keseluruhan yang diperoleh berjumlah RM40,000.

Samsiah, 43, yang memulakan perniagaan bebola keropok lekor, burger dan air balang itu menzahirkan rasa gembira apabila hasrat yang diidamkan sepanjang 13 tahun menjalankan perniagaan akhirnya tercapai.

"Memang dari dulu fokus saya inginkan memiliki *food truck* ini. Namun, kerana komitmen yang tinggi terhadap keluarga dan lima anak, maka hasrat itu terpaksa ditangguhkan.

"Kini, selepas selesai pembayaran pinjaman HIJRAH yang pertama, maka saya diberi peluang membuat pinjaman

untuk pembelian *food truck*'

"Saya mensasarkan untuk membayar balik kepada HIJRAH dalam tempoh, kurang setahun. Bagaimanapun, saya masih meneruskan perniagaan membuka khemah bagi acara tertentu kerana ruang yang agak terhad untuk membawa masuk *food truck*," katanya.

Samsiah juga antara peserta pertama di cawangan Klang yang dapat membuat pinjaman untuk kendera saji.

Zero to Hero bantu kembangkan perniagaan

Samsiah mampu mengembangkan perniagaannya dibantu syarikat peneraju terpilih sejak menyertai program *Zero to Hero* di bawah HIJRAH, pada Jun tahun lalu.

Memilih pakej ayam gunting yang diasaskan **Syarikat Chommel Areca Enterprise** oleh **Abd Malik Savai**, Samsiah

"Syarikat peneraju di bawah HIJRAH sangat bagus khususnya bagi peniaga yang ingin mengembangkan perniagaan atau mereka yang mahu memulakan perniagaan tetapi tidak ada modal dan bahan.

SAMSAH ATTHAN 43, ALIFF HAIQAL CORNER

mendapat bimbingan serta dorongan sehingga beliau berjaya, hari ini.

Samsiah berkata, hampir 13 tahun menjalankan perniagaan dan baru sekarang dapat merasakan pulangan modal berlipat ganda.

Bermula perniagaan secara kecil-kecilan, beliau kini mampu mencapai pendapatan RM7,000 hingga RM8,000 sebulan.

"Pada awalnya, saya memilih pakej ayam gunting bernilai RM5,000 dan daripada situ

banyak tunjuk ajar juga selok-belok perniagaan yang dipelajari daripada Abd Malik.

"Beliau juga yang memberi galakan kepada saya untuk meneruskan program HIJRAH dengan memiliki *food truck* selepas bayaran RM5,000 selesai," katanya.

Katanya, syarikat peneraju di bawah HIJRAH sangat bagus khususnya bagi peniaga yang ingin mengembangkan perniagaan atau mereka yang mahu memulakan perniagaan tetapi tidak ada modal dan bahan.

Lima bulan mampu bayar balik modal

Dengan hanya bermodalan pinjaman RM5,000 yang dipilih melalui pakej ayam gunting, Samsiah mampu melangsaikan hutang itu dalam tempoh lima bulan walaupun masa yang diberi adalah tiga tahun.

Samsiah berkata, beliau tidak menyangka usaha itu membuahkan hasil apabila dinobatkan antara peserta terbaik bagi cawangan Klang sejak diperkenalkan oleh kawannya selepas musim Aidilfitri, tahun lalu.

"Saya memilih pakej RM5,000 dan patut melunaskan hutang itu, dalam tempoh tiga tahun.

"Namun bersyukur, rezeki berlipat ganda dan saya berjaya menyelesaikannya, dalam tempoh lima bulan sahaja.

"Selepas habis pembayaran itu, Abd Malik mencadangkan saya membuat pinjaman seterusnya bagi memiliki *food*



DESTINASI MENARIK ANDA

Uniknya hutan dan taman Selangor

KESIBUKAN BEKERJA bukan halangan untuk melakukan pelbagai aktiviti luar yang bersesuaian dengan iklim dan cuaca, di Malaysia. Ia boleh ditemui di Selangor yang kaya dengan keindahan *flora* dan *fauna* melalui kewujudan hutan serta tamannya yang menggamit pengunjung beriadah, di samping meluangkan masa bersama keluarga juga rakan taulan. Kini, terdapat banyak lokasi hutan dan taman yang unik di Selangor yang sering menjadi perhatian pengunjung untuk dilawati.

OLEH SABIRAH AZIZ & ZAREEF MUZAMMIL
editor@mediaselangor.com



Kota Damansara Community Forest Park



1 TAMAN ALAM, KUALA SELANGOR

Waktu Operasi: Setiap hari termasuk cuti umum (9 pagi hingga 6 petang)

Bayaran Masuk: Dewasa RM4/kanak-kanak (bawah 17 tahun) RM1/warga emas RM2

Alamat: Taman Alam Kuala Selangor, Jalan Klinik, 45000 Kuala Selangor, Selangor

Taman Alam ini terletak di Kuala Selangor yang terbahagi kepada dua bahagian berbeza. Sebahagian besar taman ini adalah Hutan Hujan Tropika, manakala selebihnya pula Hutan Paya Bakau.

Bagi pencinta aktiviti memerhati burung, hutan ini sangat kaya dengan pelbagai spesies burung bukan hanya dalam negara, malahan terdapat burung yang berhijrah, dari luar negara. Spesies burung yang menyinggah hutan ini dari luar negara biasanya datang setiap tahun mulai bulan September hingga April ketika negara asal mereka mengalami musim sejuk.

Antara spesies burung dari negara lain yang boleh ditemui

di sini adalah *Brown Shrike*, *Warbler*, *Purple Heron* dan *Great Eagle*. Spesies burung tempatan pula seperti bangau, burung Raja Udang dan Serandau.

Lawatilah Taman Alam Kuala Selangor jika anda ingin mendapatkan udara segar, di samping melihat keindahan alam sekeliling yang turut meriah dengan bunyi kicauan burung. Pastikan anda membawa teropong dan kamera jika berkunjung ke sini.

yang memberikan ruang nafas kepada warga kota yang ingin lari daripada hiruk-pikuk kota metropolitan. Di sini, anda dapat menikmati kekayaan *flora* dan *fauna* yang indah serta sangat mengujakan.

Bagi pengunjung yang mahu menerokai taman rimba ini, terdapat laluan atau denai disediakan kepada mereka untuk dinikmati tanpa perlu mengerut dahi jika takut tersesat dalam hutan ekoran kelihatan sama sahaja daripada pelbagai sudut.

Terdapat sembilan denai disediakan untuk anda. Bagi pengunjung yang datang bersama anak kecil, denai paling sesuai ialah Denai Petaling yang mengelilingi kawasan tasik dan sesuai untuk semua tahap stamina serta bagi mereka yang mahu membuat aktiviti berbasikal.

Di sini juga terdapat tumbuh-tumbuhan yang digunakan masyarakat Orang Asli Temuan secara tradisional untuk membuat pelbagai kraftangan dan makanan. Jika berminat, anda boleh melawati Taman Etnobotani yang terletak, di Denai Tahak Sipew.


2 KOTA DAMANSARA COMMUNITY FOREST PARK (KDCF)

Waktu Operasi: Setiap hari (9 pagi hingga 6 petang)

Bayaran Masuk: Tiada

Alamat: Jalan Merbah 10/1, Seksyen 10 Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor

Kota Damansara Community Forest Park atau dalam bahasa Melayunya, Taman Rimba Komuniti Kota Damansara ini memiliki keluasan 800 ekar



1. Kota Damansara Community
2. Taman Alam Kuala Selangor
3. Kuan Wellness Eco Park
4. Kuan Wellness Eco Park
5. Paya Indah Wetlands
6. Paya Indah Wetlands
7. Taman Botani
8. Taman Botani
9. Paya Indah Wetlands
10. Taman Botani
11. Taman Botani
12. Taman Alam Kuala Selangor
13. Taman Rimba
14. Taman Rimba
15. Taman Rimba

Komanwel melalui titian silara ini serta melihat hidupan liar yang terdapat, di sini.

Terdapat juga chalet, kemudahan berkelah dan berkhemah, monumen air pancut, trek jogging dan aktiviti lain yang memberi peluang kepada orang ramai untuk menikmati alam semula jadi terutama prasarana lengkap ini sesuai dimanfaatkan pelajar sekolah untuk menjalankan aktiviti berkumpulan.

6 TAMAN BOTANI NEGARA, SHAH ALAM

Waktu Operasi: Selasa hingga Ahad (7.30 pagi hingga 4.30 petang)

Bayaran Masuk: RM3 (Dewasa) & RM1 (Kanak-kanak)

Alamat: Taman Botani Negara Shah Alam, Bukit Cahaya Seri Alam, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Dulu dikenali sebagai Taman Pertanian Malaysia, Bukit Cherakah iaitu sebuah kawasan *reserve* hutan dan digazetkan bagi tujuan pemuliharaan alam sekitar.

Destinasi ini sememangnya satu tempat menarik di Shah Alam yang sesuai untuk dikunjungi jika ingin melihat pemandangan hijau dikelilingi pokok.

Dengan keluasan 72 hektar, ia sesuai dijadikan tempat yang membolehkan orang awam berkunjung ke sini bagi melakukan aktiviti menyeronokkan. Selain itu, taman padi juga antara yang menjadi tarikan di sini khususnya kepada mereka yang tidak pernah melihat sawah padi dengan lebih dekat.

Terdapat juga rumah iklim empat musim yang menggunakan *props* begitu cantik bagi mewujudkan suasana sebenar musim sejuk, musim bunga, musim panas dan musim luruh.

Pelbagai kemudahan fasiliti lain disediakan bagi keselesaan pengunjung seperti chalet, surau dan tandas. Selain itu, terdapat juga perkhidmatan bas secara percuma bagi memudahkan pengunjung melawat semua tempat menarik terdapat, di taman ini.

3 KUAN WELLNESS ECO PARK

Waktu Operasi: Sabtu, Ahad, Cuti Sekolah & Cuti Umum (9 pagi – 7 petang) | Isnin hingga Jumaat (Tutup)

Bayaran Masuk: Mini Zoo RM5 & Swiftlet Home RM3

Alamat: Lot 408, Jalan Tanjung Layang, Kg Tanjung Layang, Mukim Batu, 42800 Tanjung Sepat, Selangor

Terletak di Tanjung Sepat, Kuan Wellness Eco Park adalah sebuah destinasi pelancongan untuk mendekati alam semula jadi yang sangat menarik untuk dilawati. Dengan keluasan sebesar lima ekar, taman ekologi ini menempatkan 3 1/2 tingkat rumah burung layang-layang yang dikelilingi ladang buah-buahan tropika dan ladang kelapa sawit.

Di samping itu, anda juga dapat melihat galeri burung layang-layang, mendapat pengetahuan berhubung penghasilan sarang burung, melawat zoo mini yang menempatkan pelbagai jenis haiwan dan banyak lagi tarikan

menarik yang terdapat, di sini. Nak tahu? Ajaklah keluarga anda ke sini, dapatlah anda sekeluarga mempelajari sedikit sebanyak berkenaan alam semula jadi yang kaya dengan pelbagai manfaat tersembunyi ini.

4 PAYA INDAH WETLANDS

Waktu Operasi: Setiap hari (7.30 pagi hingga 7 malam) | Jumaat (tutup dari 12.15 tengah hari hingga 2.45 petang)

Bayaran Masuk: Percuma

Alamat: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Km4, Jalan Dengkil - Banting, 43800 Dengkil, Selangor

Paya Indah Wetlands adalah kawasan tanah lembab buatan manusia yang terhasil selepas dijadikan kawasan perlombongan bijih timah. Penggalan tanah daripada perlombongan ini menghasilkan tasik yang kini menjadi habitat bagi pelbagai jenis ikan juga tumbuh-tumbuhan seperti teratai dan haiwan antaranya badak air serta buaya.

Jika ke sini, anda dapat melakukan beberapa aktiviti menarik seperti menikmati pemandangan daripada menara pemerhati yang memberikan anda pemandangan 360 darjah, di kawasan sekitar.

Selain itu, dengan pelbagai pokok yang tumbuh meliar di kawasan hutan sekitarnya, ia menarik perhatian banyak spesies burung dengan anggaran kira-kira 213 jenis. Ini menjadikan Paya Indah Wetlands sebagai habitat mereka, sekali gus menjadikan aktiviti memerhati burung amat seronok untuk dilakukan, di sini.

Antara aktiviti menarik di sekitar kawasan ini yang boleh dilakukan bersama keluarga adalah berbasikal, berkayak, memancing dan memberi makan kepada ikan, badak air serta buaya.

Aktiviti-aktiviti lain:

1. 'Bird watching'
2. Jejak hutan (*forest trail*)
3. Angling
4. Mendayung bot (*paddle boat*)
5. *Observation Tower*
6. 4WD *Night Safari*
7. Aktiviti kebudayaan di Rumah Melayu Terengganu
8. Berjalan sekitar Paya Indah

Wetlands (termasuk Zon Rekreasi, Pendidikan dan Konservasi)

5 TAMAN RIMBA KOMANWEL, RAWANG

Waktu Operasi: Setiap hari (7 pagi hingga 6 petang)

Bayaran Masuk: RM2 (Dewasa) & RM1 (Kanak-kanak)

Alamat: Km 23, Jalan Kuala Lumpur-Rawang, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan

Taman ini dilancarkan sempena Persidangan Perhutanan Komanwel ke-14 pada 1993 dan terletak di Hutan Simpan Bukit Lagong yang mempunyai jenis Hutan Dipterokarp Pamah,

Selain keaslian pokok hutan dan keindahan lanskap yang menjadi tarikan, satu keistimewaan di taman ini ialah pengunjung berpeluang menaiki titian silara yang memberi pengalaman melihat silara pokok, di sekitar kawasan taman.

Di samping itu pengunjung juga dapat melihat pemandangan panorama sebahagian besar kawasan Taman Rimba



KERAJAAN NEGERI HARGAI RAKYAT TANPA KIRA USIA

TAWAS satu lagi bukti peduli

KERAJAAN SELANGOR terus prihatin terhadap rakyat tidak kira bayi atau warga emas dengan memperkenalkan pelbagai program berkonsepkan **Inisiatif Peduli Rakyat (IPR)**.

OLEH **SHEEDA FATHIL** sheeda@mediaselangor.com



Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) yang dihaskan kepada bayi baru lahir mula diperkenalkan Jun 2008 antara program penting dalam agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) Fasa 1 atau kini lebih dikenali sebagai IPR.

Program diuruskan oleh Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) itu terbuka kepada anak kelahiran Selangor yang memenuhi syarat permohonan dan perlu dilakukan sebelum bayi itu mencecah usia tiga tahun.

Pada 17 Ogos 2015, menerusi Mesyuarat Kedua Penggal 3 dalam Sidang Dewan Negeri Bahagian Ketiga Belas, satu Enakmen Tabung Amanah Warisan Anak Selangor sudah diluluskan bertujuan memastikan ahli TAWAS menerima RM1,500 apabila mencapai usia 18 tahun.

Sejak TAWAS diperkenalkan, sambutan diterima amat memberangsangkan daripada ratusan pemohon, kini sudah mencecah 308,748 permohonan

Berdasarkan statistik terkini portal TAWAS, sebanyak 375 sudah meninggal dunia daripada 308,899 pemohon.

Bermula 1 Mac 2014, Skim

Khairat Kematian TAWAS bernilai RM1,500 diperkenalkan dan akan diberikan kepada waris jika ahli TAWAS meninggal dunia sebelum mencapai usia 18 tahun.

Selain itu, ahli TAWAS turut diberikan kad keahlian iaitu *Kad SiManja* untuk setiap permohonan yang lulus dan perlu disimpan untuk digunakan sebagai rujukan ibu bapa bagi menikmati setiap manfaat disediakan.

Permohonan TAWAS ibarat goreng pisang panas

Sambutan masyarakat terhadap program TAWAS di Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri Sekinchan laku ibarat goreng pisang panas apabila orang ramai tidak putus hadir untuk membuat permohonan, sehingga hari ini.

Ahli Dewan Negeri Sekinchan, Ng Suee Lim berkata, masyarakat di sana memberi reaksi amat positif dan berharap program seperti itu diteruskan lagi, pada masa akan datang.

"Pendaftaran TAWAS di DUN Sekinchan sejak mula ia diperkenalkan semakin rancak dan ia bukti Kerajaan Negeri amat prihatin apabila mewujudkan skim sebegini dengan cara yang mudah tanpa

mengenakan sebarang caj bayaran.

"Belum pernah wujud program sebegini negeri lain. Hanya kerajaan di bawah Pakatan Harapan (PAKATAN) yang mampu memberi nafas baharu kepada rakyat," katanya ketika dihubungi *SelangorKini*, baru-baru ini.

Suee Lim berkata, TAWAS amat bagus demi masa depan anak kerana apabila sudah tamat persekolahan dan memasuki usia 18 tahun, Kerajaan Negeri meringankan beban mereka dengan pemberian RM1,500.

"Jika anak itu mahu melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya selepas tamat alam persekolahan, maka RM1,500 pemberian TAWAS itu sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban mereka dan ibu bapa," katanya.

Katanya, Kerajaan Negeri amat menjaga kebajikan rakyat daripada pelbagai segi, malahan tidak mengira kaum sama ada Melayu, Cina dan India yang tetap disantuni.

Beliau berkata, ibu bapa penerima skim TAWAS itu juga digalakkan menghebahkan apa sahaja skim dilaksanakan Kerajaan Negeri kepada saudara-mara juga rakan supaya lebih ramai dapat menikmati inisiatif berkenaan.

Tambah nilai TAWAS

Mengulas berhubung cadangan penambahbaikan skim TAWAS, Suee Lim berkata, beliau ingin mencadangkan supaya nilai TAWAS dinaikkan kepada RM2,500.

Katanya, hal itu kerana kos sara hidup yang semakin tinggi memerlukan tambahan dana terbabit dan pada masa sama dapat meringankan beban ahli.

"Selain itu, saya turut

mencadangkan Kerajaan Negeri menghargai ahli TAWAS seperti menyambut ulang tahun kelahiran mereka, setiap tahun atau dua tahun sekali.

"Dengan cara ini, sudah pasti ahli TAWAS gembira dan rasa dihargai," katanya.

TAWAS pelaburan bagus demi masa depan

Orang ramai memuji pelaksanaan skim TAWAS yang dilaksanakan Kerajaan Negeri kerana ia pelaburan yang amat bagus demi masa depan anak.

Salah seorang ibu kepada ahli TAWAS, Asma' Zahir, 35, berkata program itu memang wajar diperkenalkan kerana bebanan kos sara hidup yang terpaksa ditanggung rakyat semakin membebankan.

"Walaupun RM1,500 dana TAWAS itu diterima ketika usia ahli mencecah 18 tahun, namun ia satu perkara yang amat bagus kerana apabila tamat alam persekolahan sekurang-kurangnya anak sudah mempunyai simpanan," katanya.

Beliau yang mempunyai empat anak sebagai ahli TAWAS turut mengakui pelaksanaan inisiatif skim itu amat sesuai bagi pasangan yang baru sahaja mempunyai anak.

Manakala, Siti Rohaizan, 39, turut memuji inisiatif dan komitmen menyeluruh Kerajaan Negeri dalam melaksanakan skim TAWAS.

"Walaupun anak saya (ahli TAWAS) sudah tiada, namun Kerajaan Negeri amat prihatin dan tetap menjanjikan pemberian Skim Khairat Kematian TAWAS berjumlah RM1,500.

"Ia memang tidak dapat kembalikan semula arwah, namun saya pasrah dan anggap semua ini takdir Maha Esa," katanya yang kehilangan anak akibat lemas, tahun lalu.

Manakala, Mesi Janaiah, 48, berpandangan rakyat Selangor seharusnya rasa bersyukur kerana beberapa inisiatif diperkenalkan Kerajaan Negeri termasuk TAWAS memberi manfaat besar sehingga Kerajaan Persekutuan turut memperkenalkan inisiatif sama iaitu *Adam50*.

"Saya percaya Kerajaan Negeri sudah mengkaji dan meneliti selengkapnya untuk



“Walaupun RM1,500 dana TAWAS itu diterima

pada usia ahli mencecah 18 tahun, namun ia satu perkara yang amat bagus kerana apabila tamat alam persekolahan sekurang-kurangnya anak sudah mempunyai simpanan,”

ASMA' ZAHIR, 35



Walaupun anak saya (ahli TAWAS) sudah



tiada, namun Kerajaan Negeri amat prihatin dan tetap menjanjikan pemberian Skim Khairat Kematian TAWAS berjumlah RM1,500.”

SITI ROHAIZAN, 39



“Saya percaya Kerajaan Negeri sudah

mengkaji dan meneliti selengkapnya untuk melaksanakan skim TAWAS membabitkan pemberian RM1,500 berbanding Kerajaan Persekutuan apabila hanya memberikan RM200 sahaja, bahkan itu pun secara *one-off*.”

MESI JANAIAH, 48

melaksanakan skim TAWAS membabitkan pemberian RM1,500 berbanding Kerajaan Persekutuan apabila hanya memberikan RM200 sahaja, bahkan itu pun secara *one-off*,” katanya.